

U S A H B E R M A I N - M A I N L A G I



Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) mungkin masih lagi samar-samar bagi kebanyakan pihak, namun kesannya amat besar. Cabaran utama dalam pematuhan EUDR terletak pada golongan pekebun kecil, yang merupakan antara tulang belakang dalam industri perladangan.

ALAM MENYERU, PASARAN BERSATU

Seandainya sebatang pokok tumbang di dalam hutan secara tersembunyi, adakah akan ada yang mendengarnya? Dalam era di mana, Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (*European Union Deforestation Regulation*, EUDR) berkuat kuasa, bunyi itu pasti akan didengari dan memberi impak kepada segenap penjuru pasaran saham di Malaysia.

Berkuat kuasa seawal 30 Disember 2025, EUDR lebih daripada sekadar syarat perdagangan yang digubal di Brussels. Ia merupakan amaran tegas terhadap rantai bekalan global. Dalam dunia yang kian terancam oleh keruntuhan ekologi, yang menyaksikan kejadian banjir, kemarau dan kebakaran hutan seakan-akan perkara biasa, Kesatuan Eropah (*European Union*, EU) mengambil langkah drastik bagi memastikan produk yang berkaitan penebangan hutan tidak memasuki pasaran mereka. Di bawah peraturan ini, setiap komoditi yang dieksport ke pasaran EU seperti minyak sawit, kayu, getah, kopi, koko, soya dan daging lembu, harus dibuktikan bebas daripada aktiviti penebangan hutan. Komoditi yang disenaraikan itu bukan sekadar menjamin kelestarian alam, tetapi mestilah tiada kaitan dengan penebangan hutan yang dibuat selepas 31 Disember 2020.

Langkah ini diambil bukan sekadar tangkap muat ataupun ‘wayang’ semata-mata, tetapi merupakan tanggungjawab bersama terhadap iklim. Hutan merupakan antara tonggak semula jadi untuk menyerap karbon dan menstabilkan keadaan bumi. Namun saban tahun, berjuta-juta hektar hutan telah dibersihkan bagi tujuan pertanian dan industri. EU kini bertegas: *“Jika anda mahu berdagang dengan kami, tunjukkan bukti jejak hutan anda.”*

Nampak Mudah? Fikirkan Semula

Secara analoginya, bayangkan anda sedang menyediakan salad buah-buahan untuk pelanggan yang sangat cerewet. Ada buah-buahan yang dipetik daripada kebun anda sendiri, dusun jiran dan ada yang dibeli daripada orang yang tidak dikenali. Sebelum pelanggan menerima salad itu, beliau mahu mengetahui dengan tepat asal usul setiap buah-buahan yang digunakan, lengkap dengan koordinat GPS. Mereka mahukan bukti bahawa tiada hutan yang ditebang untuk menanam pokok buah-buahan tersebut, semua petani mematuhi undang-undang tempatan dan anda pula menyimpan rekod yang lengkap untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun. Jika salah satu buah-buahan itu tidak mempunyai dokumen yang lengkap atau berasal daripada sumber yang meragukan, salad itu akan ditolak oleh pelanggan tersebut.

Peraturannya nampak mudah di atas kertas, namun inilah realiti yang perlu dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia di bawah EUDR. Setiap syarikat perlu membuktikan tiga perkara. Pertama, produk mereka mesti dihasilkan tanpa melibatkan penebangan hutan hutan selepas 31 Disember 2020. Contohnya, jika anda mengeksport minyak sawit, anda perlu membuktikan bahawa pokok kelapa sawit itu tidak ditanam di atas tanah yang dahulunya hutan. Kedua, produk anda mesti dihasilkan secara sah, mengikut undang-undang tempatan yang merangkumi aspek hak milik tanah, keadaan buruh dan

perlindungan alam sekitar. Tanah yang tiada geran atau pekerja yang tidak mempunyai dokumen akan menimbulkan masalah. Ketiga, setiap produk mesti boleh dijejak terus ke lot tanah tempat ia ditanam, melalui data GPS atau peta terperinci.

Secara teori, perkara ini nampak mudah tetapi dalam pelaksanaan, ia suatu cabaran logistik yang besar terutamanya apabila rantai bekalan anda melibatkan ratusan pembekal dan pekebun kecil di kawasan luar bandar. Rantai bekalan pertanian di Malaysia kebanyakannya tidak tersedia dengan tahap kebolehjeakkan yang tinggi seperti ini. Di sinilah EUDR menjadi lebih daripada sekadar senarai semak pematuhan, sebaliknya ia satu ujian terhadap kesiapsiagaan dan tadbir urus rantai bekalan.

Cabaran Kepada Pekebun Kecil

Inilah titik paling kritikal dalam cabaran ini iaitu golongan pekebun kecil. Di Malaysia, pekebun kecil menyumbang lebih 30% daripada pengeluaran minyak sawit negara. Golongan petani ini memainkan peranan penting bukan sahaja bagi kelangsungan hidup masyarakat di luar bandar dan pengeluaran negara, malahan juga, mewakili elemen paling rapuh dalam rantai usaha pematuhan EUDR. Ramai daripada mereka mengusahakan tanah yang tidak mempunyai geran, yang diwarisi sejak turun-temurun. Kebanyakan mereka tidak menggunakan peranti GPS dan dokumentasi yang sangat terhad. Malah, ramai yang tidak pernah mendengar tentang EUDR, apatah lagi mengetahui cara untuk mematuhi. Situasi ini menimbulkan risiko kepada syarikat awam tersenarai (PLC) yang bergantung kepada pekebun kecil untuk mendapatkan buah tandan segar. Walaupun nampak kecil, kegagalan seorang pembekal mematuhi peraturan ini berisiko untuk menjejaskan seluruh proses penghantaran.

Perkara ini menjadikan situasi lebih rumit. Di Malaysia, pekebun kecil sering dirangkumkan dalam rantai bekalan PLC yang lebih besar, sama ada secara langsung melalui perjanjian belian atau secara tidak langsung melalui peraih dan orang tengah. Walaupun perusahaan mereka berskala kecil, kepentingan mereka tidak boleh dipandang enteng kerana ladang dan kilang yang diurus dengan baik juga boleh terjejas jika terdapat kelemahan dalam mana-mana bahagian rantai bekalan. Di bawah EUDR, syarikat bukan sahaja bertanggungjawab terhadap produk yang dihasilkan oleh mereka, malah punca yang menjadi tempat mereka memperoleh sumber. Pematuhan kini tidak lagi terhenti di pintu ladang tetapi ia meliputi sehingga ke kebun paling kecil dan paling terpencil.

Syarikat Peneraju: Ada, tetapi tidak Banyak

Mujurlah, ada juga PLC di Malaysia yang sudah mula mengambil langkah proaktif untuk mendahului keperluan EUDR. SD Guthrie Berhad (dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Plantation) merupakan antara syarikat yang terawal apabila menghantar sebanyak 40,250 tan metrik minyak sawit yang mematuhi syarat-syarat EUDR ke Eropah dan UK pada awal tahun 2024¹. Syarikat ini telah memetakan lebih 600,000 hektar ladang

¹ <https://theedgemaalaysia.com/node/739096>

miliknya dan pembekal pihak ketiga dengan menggunakan kaedah peta poligon. Mereka turut menggunakan imej satelit dan alat pengesahan garis dasar hutan pihak ketiga untuk menilai risiko penebangan hutan dalam set data global, menunjukkan tahap kebolehjeakkan yang tinggi serta komitmen Syarikat terhadap sumber yang bebas daripada penebangan hutan².

Pada Ogos 2024 pula, FGV Holdings Berhad mengumumkan kejayaan mereka menghasilkan kumpulan pertama minyak isirung sawit mentah (*crude palm kernel oil*, CPKO) yang mematuhi EUDR. Dalam kenyataan media, mereka menjelaskan bahawa CPKO itu diperoleh daripada ladang milik sendiri, peneroka FELDA serta pekebun kecil bebas yang diperakui di bawah skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (*Malaysian Sustainable Palm Oil*, MSPO), Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (*Roundtable on Sustainable Palm Oil*, RSPO) atau memenuhi kriteria semakan ketekunan wajar dalaman syarikat.³ Pada masa yang sama, FGV turut melancarkan Rangka Kerja Kelestarian yang dipertingkatkan, berasaskan lima tonggak strategik iaitu Pertumbuhan Ekonomi, Tadbir Urus, Sosial, Alam Sekitar dan Inovasi. Langkah ini selari dengan perkembangan jangkaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) global, terutamanya dalam hal-hal berkaitan kebolehjeakkan dan pendedahan berhubung penebangan hutan.⁴

United Plantations Berhad (UP) juga antara syarikat yang menerajui usaha ini. UP melaporkan sebanyak 90.84% bekalan CPKO mereka boleh dijejak hingga ke peringkat ladang setakat 31 Disember 2023 dan menyasarkan peningkatan kepada 98% menjelang akhir tahun 2024. Syarikat ini telah menguatkuasakan dasar sifar penebangan hutan yang tegas sejak 2010 dan menggunakan platform seperti Palmoil.io dan Global Forest Watch untuk pemantauan masa nyata dengan menggunakan satelit ke atas kawasan operasinya dan pembekal pihak ketiga mereka di Malaysia dan Indonesia.⁵

Namun begitu, usaha-usaha ini masih lagi merupakan pengecualian dan bukan kebiasaan. Masih banyak PLC yang bersikap reaktif, terutamanya mereka yang kurang terdedah kepada pasaran antarabangsa atau mempunyai sumber yang terhad. Ada kemungkinan di antara mereka yang menunggu dan berharap agar peraturan ini dilonggarkan dan lanjutan masa diberikan. Namun, menunggu dan berharap semata-mata bukanlah satu strategi yang realistik

Pada awalnya, EUDR dijadualkan untuk berkuat kuasa pada 30 Disember 2024. Bagaimanapun, disebabkan kebimbangan terhadap tahap kesiapsiagaan, terutamanya dalam kalangan rakan dagang global, Parlimen dan Majlis EU telah bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaannya selama setahun.

² <https://www.sd Guthrie.com/sd-guthrie-delivers-first-shipment-of-eudr-compliant-palm-oil-ahead-of-new-rules/>

³ https://www.fgvholdings.com/press_release/fgv_achieves_major_milestone_with_first_eudr-compliant_palm_oil_production/

⁴ https://www.fgvholdings.com/press_release/fgv-unveils-enhanced-sustainability-framework-to-drive-long-term-value/

⁵ <https://theedgemaalaysia.com/node/727731>

Menurut Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Ghani, kira-kira 80% daripada sektor minyak sawit Malaysia berada di landasan yang betul untuk memenuhi keperluan EUDR. Namun begitu, beliau mengakui bahawa baki 20% yang kebanyakannya terdiri daripada pekebun kecil, masih memerlukan sokongan supaya tidak ketinggalan. Dalam kenyataan kepada media, beliau menyatakan: *"Kita yakin bahawa 80% daripada industri minyak sawit mampu memenuhi keperluan EUDR. Cabaran sebenar adalah pada pekebun kecil."*⁶

Hakikatnya, walaupun usaha ini sudah diterajui oleh beberapa syarikat besar, tahap kesiapsiagaan sektor secara keseluruhan sangat bergantung pada keupayaan semua pihak, termasuk pekebun kecil yang membentuk sebahagian besar asas pembekalan untuk banyak PLC dalam sektor perladangan.

Apakah Kaitan Perkara Ini dengan Pemegang Saham Minoriti?

Untuk para pelabur, terutamanya pemegang saham minoriti, EUDR bukan lagi sekadar agenda alam sekitar yang dibincangkan dalam lingkungan ESG. Ia kini merupakan risiko perniagaan sebenar yang boleh membawa implikasi kewangan. Syarikat yang gagal memenuhi keperluan EUDR berisiko menerima pembatalan pesanan, kehilangan akses pasaran, dikenakan penalti, menjejaskan reputasi serta meningkatkan kos pematuhan akibat tindakan pembetulan di saat-saat akhir. Semua ini boleh mengancam aliran pendapatan masa depan, menekan margin keuntungan dan mencetuskan ketidakpastian. Perkara ini sepatutnya merisaukan sesiapa sahaja yang mempunyai kepentingan dalam prestasi syarikat dalam jangka panjang.

Tambahan pula, EUDR hanyalah permulaan. Peraturan serupa sedang dipertimbangkan di United Kingdom, Amerika Syarikat dan negara-negara Asia. EU sedang menetapkan penanda aras baharu yang berkemungkinan akan dijadikan sebagai standard global untuk perdagangan komoditi yang berkait rapat dengan risiko penggunaan tanah dan hutan. Syarikat yang melengahkan adaptasi kepada peraturan ini bukan sahaja berkemungkinan bakal kehilangan akses kepada pasaran Eropah, malahan bakal tercicir berbanding syarikat pesaing yang lain.

Namun dalam cabaran ini juga tersembunyi peluang yang jelas, untuk syarikat yang sanggup menjadi peneraju. Syarikat perintis yang melabur dalam sistem kebolehjajakkan, yang melibatkan pembekal mereka termasuk pekebun kecil serta menunjukkan tadbir urus ESG yang kukuh, mampu meletakkan diri mereka sebagai pembekal pilihan di mata pembeli Eropah. Syarikat seperti ini juga lebih berpotensi menarik pelabur institusi jangka panjang yang kini semakin mengambil kira risiko iklim dan penebangan hutan dalam keputusan pelaburan mereka. Dalam dunia hari ini yang mana kelestarian dan ketelusan sudah menjadi keperluan asas (dan bukan lagi pilihan tambahan), pematuhan awal bukan sahaja bertujuan mengelakkan penalti, malah menjadi kunci kepada daya saing dan kelangsungan pasaran.

⁶ <https://theedgemaalaysia.com/node/747949>

Bagi pemegang saham minoriti, ini bukan masanya untuk berpeluk tubuh dan berdiam diri. Inilah masa yang tepat untuk membangkitkan soalan yang betul. Bagaimanakah syarikat memetakan rantai bekalan mereka, termasuk pembekal pihak ketiga dan pekebun kecil? Apakah sistem yang digunakan untuk memastikan kebolehpercayaan dan pematuhan undang-undang? Adakah syarikat menyediakan bantuan teknikal dan kewangan kepada pekebun kecil, iaitu elemen paling lemah tetapi amat penting dalam rantai bekalan? Adakah perkara ini dilihat sebagai keutamaan strategik atau sekadar pematuhan dasar?

Jika dilihat dari perspektif berbeza, EUDR bukan hanya sebuah peraturan yang mencabar dan renyah. Ianya merupakan sebuah ‘ujian’ terhadap tadbir urus, kepekaan masa depan dan integriti operasi sesebuah syarikat. Ia juga mencerminkan sama ada syarikat Malaysia benar-benar bersedia untuk bersaing di arena global, bukan hanya dari segi kos dan kuantiti, tetapi juga dari segi nilai, ketelusan dan akauntabiliti. Dalam ekonomi baharu, mereka yang membuat keputusan dan bertindak awal akan mendahului. Yang masih menunggu, mungkin akan ketinggalan.

Hutan Sudah Bersuara, Adakah Kita Memasang Telinga?

Walaupun EUDR digubal di pejabat pembuat dasar di Eropah, kesannya kini melangkaui sempadan, sampai ke hutan hujan di Sabah, ke bilik mesyuarat di Kuala Lumpur, hinggalah ke poket para pemegang saham.

Sebuah peraturan yang rumit dan mencabar tetapi perlu dilaksanakan. Perubahan iklim tidak mengenal sempadan, begitu juga peraturannya.

Jadi, usahlah menganggap bahawa kelestarian ini merupakan tanggungjawab orang lain atau masalah tahun akan datang. Ianya merupakan kos dan harga yang perlu dibayar untuk kekal relevan dalam dunia perniagaan hari ini.

[TAMAT]

Pengumuman Khas



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

28 APRIL 2025 | MONDAY
9:00 AM - 5:00 PM
AICB CENTRE OF EXCELLENCE, KL

1 DAY
COURSE



Registration Fee
RM1,800

Early Bird
(Before 18 April 2025)
RM1,600

Group of 2
or more
RM1,600

All prices are subject to any applicable government tax.

All MSWG subscribers enjoy special rate for registration.
Please contact us for more details.

Register now



Scan the QR code
or click here

For more info, please contact:
Khalidah Khalil
+6017 630 0754
khalidah@mswg.org.my

Minority Shareholders Watch Group
Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (20-0001022382)

Level 23-2, Menara AIA Sentral
No.30, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
+603 2732 0010
www.mswg.org.my



Navigating the National Sustainability Reporting Framework & Latest Bursa Listing Requirements

Programme Overview

In September 2024, the Securities Commission Malaysia announced implementation of the National Sustainability Reporting Framework (NSRF). It mandates IFRS Sustainability Disclosure Standards (ISSB Standards) for listed and large non-listed companies. The framework aims to enhance transparency, accountability and business resilience, aligning the nation's sustainability goals. In December 2024, Bursa Malaysia announced corresponding amendments to the Listing Requirements. Compliance will be phased, starting in 2025 for large Main Market PLCs, extending to others by 2027.

Part 1 | 9.00 am - 10.30 am

Developments in the International Sustainability Reporting Landscape

- Commonly adopted sustainability reporting frameworks
- How the ISSB was formed and global adoption trends
- Adoption timelines for Malaysia – NSRF and Bursa Listing Requirements
- Design and applicability of the standards:
 - IFRS S1** – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information
 - IFRS S2** – Climate-related Disclosures
- Future developments in the pipeline

Part 2 | 11.00 am - 12.30 pm

IFRS S1 – General Requirements for Disclosure of Sustainability-related Financial Information

- Conceptual foundations
 - Materiality
 - Reporting Entity
- How to shortlist financially material sustainability matters
- Sources of Guidance (SASB, GRI, ESRS)
- Statement of Compliance
- Treatment of Errors

Part 3 | 2.00 pm - 3.30 pm

IFRS S2 – Climate-Related Disclosures

- TCFD 101 as a foundation for IFRS S2**
 - Climate Risks: Physical and Transition Risks
- IFRS S2 – Core content**
 - Governance, Strategy, Risk Management, Metrics and Targets

Part 4 | 3.45 pm - 5.00 pm

Transitioning to an ISSB Report and other key considerations:

- Reliefs – Proportionality and scalability mechanisms
 - Without undue cost or effort
 - Consideration of skills, capabilities and resources
- What would an ISSB Report look like versus the current sustainability report formats
- Assurance of Sustainability Reports



Trainer's Profile
San Mei Kim

Mei Kim is a sustainability trainer. Prior to this, she was the former Sustainability Lead, Corporate Governance and Sustainability with the Regulation function at Bursa Malaysia. She co-led the development of key sustainability-related initiatives for the Malaysian capital market. This includes putting in place enhancements to Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Framework (consisting of the listing requirements, sustainability reporting guides and related toolkits) as well as capacity building initiatives for public listed companies.

She is a GRI Certified Sustainability Professional and holds a Master in Sustainable Development Management from the Jeffrey Sachs Centre (Sunway University). She is also a member of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Association of Certified Fraud Examiners (ACFE) and the Malaysian Institute of Accountants (MIA).

PENDEDAHAN KEPENTINGAN
Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN
Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.